



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 43 (22 OKTOBER – 28 OKTOBER 2023)

Pada Minggu Epidemiologi ke-43 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,272 kes berbanding 2,262 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 10 kes (0.4%). Tiada kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-43 tahun 2023.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-43 adalah sebanyak 98,715 kes berbanding 49,569 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 49,146 (99.1%). Manakala sejumlah 73 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 33 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.


Bilangan lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-43 adalah sebanyak 68 lokaliti berbanding 73 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Dari 68 lokaliti yang dilaporkan, 49 lokaliti di Selangor, sembilan (9) lokaliti di WPKL & Putrajaya, enam (6) lokaliti di Perak dan masing-masing satu (1) lokaliti di Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Pahang dan Sarawak.

Bagi surveilan chikungunya, sebanyak empat (4) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-43. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini

adalah 181 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 2,982 sampel darah dan 301 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Operasi Pelepasan Nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* di Malaysia telah dimulakan sejak tahun 2019 sebagai strategi tambahan bagi menangani peningkatan kes denggi dan selari dengan hala tuju kawalan denggi iaitu untuk mengurangkan kebergantungan terhadap racun serangga yang berasaskan bahan kimia. Sehingga kini sebanyak 31 lokaliti pelepasan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* telah beroperasi di Semenanjung Malaysia terutamanya di lokaliti dengan beban kes denggi yang tinggi. Setelah lebih tiga (3) tahun pelaksanaan, peratus keberhasilan bagi lokaliti yang telah melaksanakan operasi ini menunjukkan tren penurunan dalam bilangan kes denggi di antara 33% sehingga 100%. Orang ramai boleh mendapatkan maklumat berkaitan Operasi Pelepasan nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* dengan melayari laman sesawang <https://www.infosihat.gov.my/> dan <https://idengue.mysa.gov.my/> atau boleh menghubungi *hotline* KKM di talian 03-88833231 (beroperasi pada hari Isnin sehingga Jumaat, dari pukul 8 pagi sehingga 5 petang). **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
3 November 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-43 & ke-42 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-43 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-43), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-43 tahun 2023